



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**30 OKTOBER 2021 (SABTU)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**30 OKTOBER 2021 (SABTU)**

# Awas! Jika jual kit ujian lebih RM19.90

KPDNHEP ambil tindakan tegas ke atas peniaga jual kit ujian antigen Covid-19 pada harga tinggi

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF  
 MOHD ZOKI

SHAH ALAM

**K**eimbangan kepada penularan Covid-19 mendorong banyak kalangan masyarakat melakukan ujian kendiri dengan kit ujian pantas antigen bagi mengesan awal sama ada mereka dijangkiti atau tidak oleh penyakit tersebut.

Situasi itu secara tidak langsung menyebabkan kit tersebut mendapat permintaan tinggi. Malangnya, ada pihak yang menangguk di air keruh dengan menjual kit tersebut melebihi dari harga yang ditetapkan oleh kerajaan.

Namun, melalui pemantauan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor dan aduan daripada orang ramai, pihak berkuasa berjaya mengesan premis yang melakukan kesalahan itu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, pihaknya melaksanakan pemantauan berdasarkan maklumat yang diterima.

"Kita menerima maklumat ada premis yang bertindak menjual kit ujian pantas antigen Covid-19 melebihi harga ditetapkan dan dua buah premis berjaya dikesan."

"Kita hadir ke premis berkenaan dan pemilik premis turut menurunkan harga, selain itu KPDNHEP turut memberikan nasihat dan penerangan berkaitan penjualan



Pegawai pengawal kuasa KPDNHEP menjalankan pemeriksaan di sebuah premis yang menjual kit ujian pantas antigen Covid-19.



MUHAMAD ZIKRIL

an kit ujian pantas antigen Covid-19 ini," katanya menerusi temu bual khas yang diadakan di Ibu Pejabat KPDNHEP Selangor, baru-baru ini.

Muhamad Zikril membenarkan, harga yang ditetapkan bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 adalah RM19.90 iaitu harga runcit maksimum dan harga borong RM16.

Menurut beliau, penetapan harga dilaksanakan bagi memastikan kit ujian pantas antigen Covid-19 tidak dijual pada harga sewenangnya.

"Ketajaan menerusi KPDNHEP sentiasa prihatin terhadap keluhan rakyat bagi

memastikan kit tersebut boleh dibeli pada harga yang rendah.

"Jika sebelum ini, harga bagi satu kit dijual antara RM30 hingga RM40, ia membebankan pengguna, jadi ini antara tujuan utama penetapan harga dilaksanakan," jelas beliau.

#### Tiada kit ujian palsu dikesan

KPDNHEP Selangor tidak menerima sebarang aduan berhubung adanya kit ujian pantas antigen Covid-19 palsu sejak tetapan ini.

Muhamad Zikril bagaimanapun berkata, pemantauan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan perkara tersebut tidak berlaku.

"Pemantauan sememangnya pihak

kami sentiasa laksanakan secara kerap, sama ada dari sudut harga dan pelbagai aspek lain.

"Namun, setakat ini KPDNHEP Selangor belum menerima sebarang aduan berhubung adanya kit ujian pantas antigen Covid-19 palsu," ujarnya.

Jelas beliau lagi, para pengguna dinasihatkan mendapatkan kit ujian pantas antigen Covid-19 yang telah disenaraikan oleh pihak berkuasa Peranti Perubatan/Medical Device Authority(MDA).

"Paling penting, para pengguna perlu memastikan hanya membeli daripada pihak yang telah mendapat kelulusan MDA untuk menjual peranti perubatan atau kesihatan sama ada dijual di pasaran biasa atau dalam talian."



Pemeriksaan secara kerap sentiasa dilaksanakan oleh KPDNHEP Selangor.



Pemantauan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan harga kit ujian pantas antigen Covid-19 yang dijual di pasaran.



Pengguna dinasihati mendapatkan kit ujian pantas antigen Covid-19 yang telah disenaraikan oleh pihak berkuasa Peranti Perubatan/Medical Device Authority (MDA).

**Tindakan tegas ke atas peniaga**  
Pemantauan secara berterusan sentiasa dilaksanakan KPDNHEP Selangor bagi memastikan kit ujian pantas antigen Covid-19 ini dijual pada harga yang ditetapkan sekaligus tidak membebani kan pengguna.

Jelas Muhamad Zikril, pemantauan sentiasa dilaksanakan bagi memantau harga kit ujian pantas antigen Covid-19 yang dijual di pasaran.

"KPDNHEP Selangor sentiasa berterusan menjalankan pemeriksaan pematuhan harga maksimum bagi penjualan kit ini," katanya.

Menurut beliau, pemantauan dan pemeriksaan bekalan secara harian digerakkan oleh 200 pegawai penguatan kuasa di seluruh Selangor dan tindakan segera terhadap aduan akan dilaksanakan jika ia berlaku.

Beliau menjelaskan, tindakan tegas akan terus diambil sekiranya terdapat premis yang menjual kit ujian pantas antigen Covid-19 melebihi harga yang ditetapkan.

"Peniaga dan premis-premis farmasi diingatkan agar sentiasa mematuhi

undang-undang yang telah dikuatkuasa kan terutamanya melibatkan penjualan kit tersebut.

"Tindakan akan diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti pencatuan 2011 sekiranya peniaga dikesan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan," tegas beliau.

#### Platform beri maklumat

Muhamad Zikril turut menjelaskan, pemantauan berterusan dilakukan untuk memastikan penjualan kit ujian pantas antigen Covid-19 dilaksanakan tanpa mengambil kesempatan dengan menjualnya pada harga yang tinggi.

"Masyarakat yang mempunyai maklumat atau info sekiranya terdapat premis yang menjual kit ujian pantas antigen Covid-19 pada harga yang tinggi dapat menyalurkannya ke pelbagai platform yang disediakan oleh KPDNHEP."

"Maklumat dapat disalurkan melalui portal, talian KPDNHEP iaitu 1 800 886 800, e-mel aduan@kpdnhep.gov.my, aplikasi telefon pintar EZ ADU serta enforcement command centre di talian 03-8882 6245/6088.

**F** Harga yang ditetapkan bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 adalah RM19.90 iaitu harga runcit maksimum dan harga borong RM16."

"Selain itu, aduan turut dapat disalurkan di talian Malaysia Goverment Call Centre (MYGCC) di 03-8000 8000, atau WhatsApp ke 019-279 4317 atau hadir ke mana-mana pejabat KPDNHEP di Selangor," katanya.

Masyarakat, jelas beliau, tidak perlu khawatir kerana identiti pemberi maklumat dirahsiakan pihaknya.

"Jangan bimbang untuk salurkan maklumat kerana KPDNHEP sentiasa melindungi identiti pemberi maklumat."

"Tindakan akan diambil segera terhadap mana-mana pihak yang didapati menjual kit ujian pantas antigen Covid-19 pada harga yang tinggi melebihi harga maksimum ditetapkan," katanya.



KPDNHEP Selangor belum menerima aduan mengenai jualan kit ujian pantas antigen Covid-19 palsu.

**5 September 2021**  
Peniaga diberi tempoh seminggu patuhi harga

KUCHING - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi masa seminggu bermula 5 September kepada para peniaga untuk mematuhi harga maksimum RM19.90 untuk kit ujian pantas antigen Covid-19 (ujian kendri).

Menurutnya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pasukan penguatan kuasa akan melakukan pemantauan namun tidak akan mengeluarkan denda tetapi sebaliknya akan memberi peringatan kepada peniaga supaya mengikut arahan penjualan herba maksimum yang berkuat kuasa pada Ahad.

**6 September 2021**  
Lima peniaga masih jual kit ujian kendri Covid-19 melebihi RM19.90

KUALA TERENGGANU - Lima peniaga negeri ini dikesan masih menjual kit ujian kendri Covid-19 melebihi harga kawalan yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Pengarah KPDNHEP Terengganu, Sahnudin Mohd Ika berkata, la hasil tinjauan dan pemeriksaan jabatan itu terhadap 10 farmasi dan klinik yang diakadem di Kuala Terengganu, Kemaman, Besut dan Dungun pada Ahad.

Susulan daripada pemeriksaan dijalankan ini juga, kita dapat lima daripada 10 premis yang diperiksa telah mematuhi harga runcit maksimum ditetapkan iaitu RM19.90, katanya.

**18 September 2021**  
Kit ujian kendri Covid-19 mahal

HULU TERENGGANU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merekodkan 34 kes peniaga dan pengusaha farmasi yang menjual kit ujian kendri Covid-19 melebihi harga ditetapkan bagi tempoh 5 September lalu sehingga kelmanir.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosli Wahid berkata, pihaknya melakukan pemeriksaan terhadap lebih 1,800 premis membabitkan sekolah pengajian, pemborong dan peniaga di seluruh negeri selepas diberi tempoh seminggu untuk penyelesaian harga dari tempoh kuat kuasa harga siring kit ujian kendri.

"Daripada pemeriksaan tersebut, terdapat 34 kes menjual melebihi harga kawalan, satu kes telah dikepakkan kompaun sebanyak RM250 manakala 185 menjual di bawah harga kawalan.

"Selebihnya iaitu 1,552 menjual mengikut harga kawalan dan didapati kadar pematuhan kawalan harga mencapai tahap tertinggi," ujarnya.

**27 September 2021**  
Jual kit ujian kendri RM34

MELAKA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri mengesahkan terdapat premis di negeri ini mengambil kesempatan dengan menjual kit ujian kendri Covid-19 melebihi harga kawalan runcit RM19.90 seunit.

Pengarahnya, Norina Jaafar berkata, pemeriksaan yang dijalankan di 86 buah premis mendapat ada peniaga mengenakan harga RM34 untuk setiap unit iaitu mencecah hampir dua kali ganda harga kawalan yang ditetapkan kerajaan Pusat.

Pasukan penguatan kuasa telah membuat pemeriksaan mengelut sejak 5 September lalu di premis-premis di peringkat perumah dan pemborong yang menjual kit Covid-19 dan mendapat ada yang jual lebih daripada harga kawalan.

Persatuan pengguna saling bekerjasama tangani isu barang mahal

## Berganding bahu kekang harga naik

**PUTRAJAYA** — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) meminta persatuan-persatuan pengguna di negara ini supaya berganding bahu dalam mengurangkan isu kenaikan harga dan kekurangan barang.

KPDNHEP menerusi satu kenyataan berkata, kerjasama itu amat diperlukan bagi memastikan isu kenaikan harga barang tidak membawa salah faham dan kerohanian dalam kalangan masyarakat.

Menurutnya, kementerian menasihati semua pihak agar mengambil sikap lebih bertanggungjawab dalam mengutarakan isu-isu yang mempunyai kepentingan kepada masyarakat dan pengguna.

Kementerian sentiasa mengambil berat setiap isu-isu berkaitan fungsi dan tanggungjawabnya, namun perlulah berlandaskan maklumat yang tepat



Pemeriksaan dan pemantauan itu dilakukan menerusi beberapa operasi berkala termasuk Ops Cutat 8.0, Ops Pasar, Ops Rantai 7.0 dan Ops Samar."

dan sahih," menurutnya.

Bagaimanapun, kementerian mendapati terdapat laporan tidak merujuk kepada mana-mana lokasi atau premis dan barang keperluan yang khusus untuk membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan susulan.

Katanya, kementerian sentiasa mengadakan sesi libat urus dengan pihak industri bagi memastikan isu kenaikan harga barang keperluan dapat dikawal dan tidak membebankan rakyat.

Malah, katanya, Bahagian

Harga Barang Negara juga sentiasa membuat pemantauan dan analisis harga barang secara harian, mingguan dan bulanan di premis-premis peruncitan terpilih seluruh negara.

"Bahagian Penguat Kuasa pula kerap melaksanakan pemeriksaan secara berterusan di semua peringkat rantahan pengedaran iaitu di peringkat peladang, pengeluar, penternak, pengilang, pengimport, pembekal, pengedar, pemborong dan peruncit.

"Pemeriksaan dan pemantauan itu dilakukan menerusi beberapa operasi berkala termasuk Ops Cutat 8.0, Ops Pasar, Ops Rantai 7.0 dan Ops Samar.

"Antara jenis barang yang diperiksa ialah pakaian sekolah, kelengkapan elektronik dan barang asas harian termasuk barang basah seperti ayam, sayuran dan telur ayam, minyak masak, pelitup muka dan kit sarungan Covid-19," ujarnya.



HARGA barang keperluan dan barang basah didaikwa naik selepas pandemik Covid-19 semakin pulih. — GAMBAR HIASAN

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : SABTU  
TARIKH : 30/10/2021  
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM6.49	• Telur Ged A RM10.90	• Gula Pasir RM2.85	• Cili Merah RM12
	• Daging Lembu Tempatan RM35	• Ikan Kembung RM10.99	• Bawang Besar Holland RM2.69	• Kubis Bulat Tempatan RM2.99
	• Daging Lembu Import RM20.50	• Minyak Masak RM6.70	• Bawang Putih RM5.99	• Tepung Gandum RM2.19
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP